

## Dermasiswa \$40,000 untuk anak keluarga banduan dan bekas banduan

SERAMAI 133 pelajar daripada keluarga banduan dan bekas banduan semalam menerima dermasiswa bernilai hampir \$40,000 bagi pencapaian akademik mereka.

Majlis penyampaian dermasiswa yang diberikan Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) itu berlangsung di Auditorium Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) di Stirling Road semalam.

Setiausaha Parlimen (Ehwal Dalam Negeri merangkap Kesihatan), Encik Amrin Amin, menghadiri majlis itu sebagai tetamu terhormat.

Dalam ucapannya, Encik Amrin berkata pendidikan membekalkan beliau dengan ilmu dan kemahiran yang membuka peluang bagi mencapai aspirasi dalam hidup mereka.

"Sedang pencapaian akademik juga penting, jangan lupa bahawa kemahiran hidup dan nilai sama pentingnya bagi kejayaan demi masa depan," ujar Encik Amrin.

Beliau mengesa pelajar agar mengingat peluang yang diberikan hari ini, dan menyumbang kembali kepada masyarakat bagi membantu mereka yang lebih memerlukan.

Anugerah Dermasiswa Iscos ialah inisiatif di bawah Program Reben Kuning-Iscos 'Fairy Godparent' (FGP) yang menyokong anak-anak banduan dan bekas banduan daripada keluarga berpendapatan rendah dari segi pendidikan mereka.

Di bawah program itu, pelajar yang menerima keputusan baik bagi penggal sekolah tahun ini menerima dermasiswa bernilai antara \$200 dengan \$500 setiap satu, mengikut peringkat pendidikan mereka.

Geran buku juga diberikan kepada pelajar yang menunjukkan kemajuan yang baik dalam pengajian mereka.

Anugerah itu ditaja keseluruhannya oleh Yayasan Lee.

Tahun ini, buat julung-julung kalinya Iscos memberikan biasiswa Tan Ean Kiam-Yellow Ribbon Fund-Iscos Bursary Award (TEK Award).

Anugerah yang ditaja Yayasan Tan Ean Kiam itu menyokong pelajar yang telah menerima tawaran daripada politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) tetapi menghadapi kekurangan sumber kewangan untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Sejak 2011, Iscos telah berganding bahu dengan pelbagai yayasan dan rakan kerja korporat untuk memberi dermasiswa kepada lebih 1,000 pelajar.

Text:

## **Derasiswa \$40,000 untuk anak keluarga banduan dan bekas banduan**

SERAMAI 133 pelajar daripada keluarga banduan dan bekas banduan semalam menerima derasiswa bernilai hampir \$40,000 bagi pencapaian akademik mereka.

Majlis penyampaian derasiswa yang diberikan Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) itu berlangsung di Auditorium Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) di Auditorium Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) di Stirling Road semalam.

Setiausaha Parlimen (Ehwal Dalam Negeri merangkap Kesihatan), Encik Amrin Amin, menghadiri majlis itu sebagai tetamu terhormat.

Dalam ucapannya, Encik Amrin berkata pendidikan membekalkan belia dengan ilmu dan kemahiran yang membuka peluang bagi mencapai aspirasi dalam hidup mereka.

"Sedang pencapaian akademik juga penting, jangan lupa bahawa kemahiran hidup dan nilai sama pentingnya bagi kejayaan demi masa depan," ujar Encik Amrin.

Beliau menggesa pelajar agar mengingati peluang yang diberikan hari ini, dan menyumbang kembali kepada masyarakat bagi membantu mereka yang lebih memerlukan.

Anugerah Derasiswa Iscos ialah inisiatif di bawah Prgram Reben Kuning-Iscos 'Fairy Godparent Programme' (FGP) yang menyokong anak-anak banduan dan bekas banduan daripada keluarga berpendapatan rendah dari segi pendidikan mereka.

Di bawah program itu, pelajar yang menerima keputusan baik bagi penggal sekolah tahun ini menerima derasiswa bernilai antara \$200 dengan \$500 setiap satu, mengikut peringkat pendidikan mereka.

Geran buku juga diberikan kepada pelajar yang menunjukkan kemajuan yang baik dalam pengajian mereka.

Anugerah itu ditaja keseluruhannya oleh Yayasan Lee.

Tahun ini, buat julung-julung kalinya Iscos memberikan biasiswa Tan Ean Kiam-Yellow Ribbon Fund-Iscos Bursary Award (TEK Award).

Anugerah yang ditaja Yayasan Tan Ean Kiam itu menyokong pelajar yang telah menerima tawaran daripada politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) tetapi menghadapi kekurangan sumber kewangan untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Sejak 2011, Iscos telah berganding bahu dengan pelbagai yayasan dan rakan kerja korporat untuk memberi derasiswa kepada lebih 1,000 pelajar.



Translation:

## **\$40,000 worth of bursary awards given to children of offenders and ex-offenders**

A total of 133 students from families of offenders and ex-offenders received bursary awards totalling close to \$40,000 yesterday, in recognition of their academic achievements.

The award ceremony organised by the Industrial and Services Co-operative Society Limited (Iscos) was held at the MDIS Auditorium at Stirling Road yesterday.

Mr Amrin Amin, Parliamentary Secretary of Ministry of Home Affairs and Health was the guest of honour for the ceremony.

In his speech, Mr Amrin said that education offers knowledge and the skills to the youth which open up opportunities for them to achieve their life aspirations.

"As you pursue academic excellence, do not forget that life skills and values are equally important for success in the future," said Mr Amrin.

He urged the students to remember the opportunities given to them today and give back to the society to help those who are in need.

The ISCOS Bursary Award is an initiative under the Yellow Ribbon Fund-ISCOS Fairy Godparent Programme which supports children of offenders and former offenders from low-income families by way of education.

Under this programme, students with commendable results during this year's school term receive bursary awards ranging from \$200 to \$500 each, according to their education levels.

Book grants were also given to students who have shown good progress in their studies.

The bursary awards are fully sponsored by Lee Foundation.

This year, Iscos also presented the Tan Ean Kiam-Yellow Ribbon Fund-ISCOS Bursary Award (TEK Award) for the first time.

The award sponsored by Tan Ean Kiam Foundation supports students who have received offers from local polytechnics and ITEs but lack the financial means to pursue their tertiary education.

Since 2011, Iscos has collaborated with various foundations and corporate partners to disburse bursaries to over 1,000 students.